

SIKAP TAMAK PUNCA PAS PECAH-BELAH

KOTA BAHARU, Khamis — Tengku Razaleigh Hamzah berkata, perpecahan dalam PAS sekarang disebabkan oleh sikap tamak, sentimen sempit, iri hati dan kepentingan diri para pemimpin parti itu untuk berkuasa.

Ketua Badan Perhubungan UMNO Kelantan, merangkap Menteri Kewangan itu menegaskan, krisis dan perpecahan PAS itu tidak kena mengena langsung dengan ideologi atau falsafah perjuangan parti tersebut.

Menurut beliau, bibit-bibit perpecahan dalam PAS itu bertunas sejak 1964, apabila Datuk Haji Mohd. Asri mengambil alih teraju pentadbiran negeri Kelantan dari Datuk Haji Ishak Lutfi sebagai Menteri Besar.

Berucap dalam perjumpaan dengan hampir 1,000 pemimpin dan ahli UMNO dalam bahagian

Perkampungan Cepa, di sini petang ini, beliau berkata, "Ini telah menimbulkan pertelagahan dan persaingan antara golongan pengikut Datuk Asri dengan Datuk Haji Ishak Lutfi.

Menurut Tengku Razaleigh, kemuncak perpecahan dalam pucuk pimpinan PAS menjelang pilihanraya umum lalu ialah bila Datuk Asri bertelagah pendapat dengan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat merangkap Pesuruhjaya PAS Kelantan mengenai beberapa isu berhubung dengan pilihanraya itu.

Pemilihan

Katanya, Ustaz Nik Aziz dan golongannya tidak setuju dengan strategi Datuk Asri yang dikatakan membelakangkan pandangan Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan, terutama dari segi pemilihan calon-calon PAS Kelantan.

Tengku Razaleigh

berkata, ini membuktikan perpecahan dalam PAS sekarang tidak kena mengena langsung dengan falsafah perjuangan parti itu, sebaliknya semata-mata disebabkan sentimen sempit dan kepentingan diri para pemimpinnya.

"Pengunduran diri Datuk Asri dari memimpin PAS, bukanlah kerana dia kurang pengaruh atau tidak berucap memimpin parti itu, tetapi disebabkan sikap iri hati, tamak dan kepentingan diri pemimpin PAS untuk berkuasa," ujar beliau.

Tengku Razaleigh menarik perhatian, Datuk Asri sendiri mengakui kepada seluruh rakyat negara ini bahawa PAS sekarang telah terpesong daripada perjuangan asalnya.

"Ini jelas dan nyata bahawa PAS sekarang tidak berguna lagi kepada rakyat Islam di negara ini," ujarnya lagi.

Dari pengakuan

terbuka Datuk Asri itu, tambah Tengku Razaleigh, PAS gagal sama sekali dalam perjuangan yang berlandaskan Islam.

"Parti PAS kini nampaknya sudah tidak ada pedoman lagi dalam perjuangannya, melainkan membangkitkan berbagai isu remeh-temeh untuk menggelirukan fikiran rakyat, terutama di luar bandar bagi menyokongnya," tambahnya.

Tegasnya, mustahil PAS boleh menyatupadukan masyarakat Islam negeri ini melalui perjuangan kaburnya, sedangkan pucuk pimpinannya berkrisis dan berpecah belah.

Tengku Razaleigh mengingatkan ahli-ahli UMNO Kelantan, mereka tetap akan berdepan dengan PAS, walau siapa pun memegang teraju pimpinan partitit.